

## TEMA 1 KEMASYARAKATAN

### Bahagian A

- 1 C    2 D    3 C    4 C    5 D  
6 A    7 A    8 B    9 C    10 D

### Bahagian B

- 1 (a) menziarahi  
(b) Setelah penat berjalan, datuk dan nenek menaiki pengangkutan khas yang disediakan.  
(c) Kuching / Waffa  
(d) Di lapangan terbang, kerusi roda nenek ditolak oleh seorang petugas khas ✓
- 2 Sebagai seorang rakan, saya akan membantu Syamin serta menanyakan keadaan dia. Kemudian, saya menasihatinya supaya lebih berhati-hati menuruni tangga pada masa akan datang.

### Bahagian C

Amalan gotong-royong boleh memupuk kerjasama dalam kehidupan. Selain itu, kerja yang berat akan menjadi mudah. Sikap toleransi juga dapat dipupuk agar hubungan lebih erat. Melalui gotong-royong juga permuafakatan dalam keluarga juga terjalin. Akhir sekali, persekitaran rumah kita juga akan menjadi lebih bersih.

### Bahagian D

#### Karangan tidak berformat (Karangan cerita)

Pada cuti sekolah yang lalu, ayah membawa kami sekeluarga berkunjung ke pesta buku. Kami bertolak ke sana pada pukul 10.00 pagi dengan menaiki kereta ayah.

Pesta buku itu diadakan di Setia City Mall, Selangor. Kami tiba di sana pada pukul 10.30 pagi. Setibanya di sana, saya melihat ramai pengunjung yang hadir ke pesta buku itu. Selepas itu, kami pun terus menuju ke gerai jualan buku untuk melihat buku-buku.

Di sana, terdapat banyak jenis buku yang dijual dengan harga yang murah dan berpatutan. Antaranya, buku rujukan, buku cerita, majalah, kamus dan sebagainya.

Seterusnya, saya dan adik terus menuju ke rak buku untuk membeli buku rujukan dan buku latihan. Ayah membeli majalah kereta manakala ibu membeli buku novel.

Selepas itu, ayah membuat pembayaran di kaunter. Juruwang di situ melayan pelanggan dengan mesranya dan memberikan potongan harga kepada kami.

Pada pukul 2.00 petang, kami pun pulang ke rumah. Saya berasa gembira kerana dapat pergi ke pesta buku. Saya berharap agar ayah membawa kami pergi ke pesta buku lagi pada masa akan datang.

#### Karangan berformat (Karangan jenis berita)

KUCHING, 1 Februari – Pesta Buku Sarawak 2025 akan diadakan di Stadium Perpaduan, Kuching Sarawak pada 2 hingga 12 Februari 2025 dari pukul 10.00 pagi hingga pukul 9.00 malam.

Pengunjung dapat menikmati pelbagai diskaun dan tawaran harga yang sangat menarik. Pengunjung juga berpeluang memilih buku-buku terbitan terbaharu pada harga yang sangat rendah. Pengunjung juga tidak dikenakan bayaran masuk ke pesta buku ini.

Melalui pesta buku ini, budaya membaca dapat dipupuk dalam jiwa masyarakat. Masyarakat diseru agar menjadikan membaca sebagai amalan kerana bangsa membaca, bangsa berjaya.

## TEMA 2 KESIHATAN DAN KEBERSIHAN

### Bahagian A

- 1 D    2 B    3 D    4 D    5 C  
6 D    7 C    8 D    9 A    10 A

### Bahagian B

- 1 (a) kertas  
(b) Sekumpulan remaja itu bermain futsal di gelanggang futsal.  
(c) memanaskan / memaling / menyambut  
(d) Mereka minum air mineral dengan berhati-hati sambil duduk di bangku sebelum pulang. ✓
- 2 Sebagai ketua kelas, saya akan mengadakan perbincangan dengan rakan-rakan sekelas tentang persediaan yang akan dijalankan dan membahagikan tugas secara adil.

### Bahagian C

Terdapat banyak aktiviti yang boleh dilakukan untuk dijadikan amalan gaya hidup sihat. Kita perlu mempunyai waktu tidur yang cukup. Selain itu, bersenam pada waktu lapang harus kita jadikan sebagai amalan. Seterusnya, amalan makan makanan seimbang dan berkhasiat juga penting untuk gaya hidup sihat. Merokok tidak harus diamalkan dalam kehidupan kita.

### Bahagian D

#### Karangan tidak berformat (Karangan jenis fakta)

Kebersihan diri menjamin kesihatan yang baik. Oleh itu, kita mestilah menjaga kebersihan diri.

Kita mestilah mandi tiga kali sehari. Kita hendaklah membersihkan semua anggota badan kita dengan sabun dan air yang bersih.

Selepas mandi, kita mestilah memakai pakaian yang bersih. Pakaian yang kita pakai mestilah ditukar setiap hari.

Selain itu, kita mestilah memotong kuku tangan dan kaki yang panjang. Bukan itu sahaja, kita perlu menggosok gigi tiap-tiap hari.

Jika kita menjaga kebersihan diri, kita tidak akan mudah dijangkiti penyakit. Orang yang bersih dan sihat juga akan hidup ceria.

### Karangan berformat (Karangan ucapan)

Yang Dihormati Tuan Pengerusi Majlis, Guru Besar, guru-guru serta rakan-rakan seperjuangan sekalian. Tajuk ucapan saya pada pagi ini ialah "Cara-cara Menjaga Kebersihan Diri".

Hadirin sekalian,

Menjaga kebersihan diri amat penting dan akan menjamin Kesihatan yang baik. Cara pertama untuk menjaga kebersihan diri ialah, kita mesti mandi tiga kali sehari supaya badan kita bersih dan kita perlu membersihkan semua anggota badan kita dengan menggunakan sabun supaya kita dapat mengelakkan diri daripada terkena penyakit kulit dan berbau. Badan yang bersih akan menjadi kita sihat dan selesa.

Kita juga perlu memakai pakaian yang bersih dan kita juga hendaklah tukar pakaian pada setiap hari. Seterusnya, kita hendaklah memotong kuku kerana kuku yang panjang boleh menyimpan kekotoran. Kotoran yang melekat pada kuku yang panjang itu mengandungi kuman yang boleh tersebar ke dalam badan kita semasa kita makan. Ini akan menyebabkan kita terkena penyakit seperti cirit-birit dan sebagainya.

Hadirin sekalian,

Kita perlu menggosok gigi sekurang-kurangnya tiga kali sehari. Kebersihan gigi amat penting untuk mengelakkan daripada kerosakan gigi serta menjadikan kita lebih berkeyakinan semasa bergaul dengan orang ramai.

Kesimpulannya, menjaga kebersihan diri amat penting kepada manusia. Oleh itu, kita mestilah mengambil berat tentang kebersihan diri untuk kesejahteraan dan kebahagiaan hidup kita.

Sekian terima kasih.

## TEMA 3 KESELAMATAN

### Bahagian A

- 1 B    2 A    3 D    4 B    5 D  
6 A    7 C    8 C    9 D    10 A

### Bahagian B

- 1 (a) lalu lintas  
(b) Perlawanan bola sepak itu bermula pada pukul 8.30 malam.  
(c) kagum / canggih / cantik  
(d) Kawasan penonton yang berbuat bising dipantau oleh pasukan keselamatan. ✓
- 2 Sebagai peserta, saya akan memastikan brek basikal dan lampu pemantul cahaya berfungsi dengan baik. Saya juga akan menggunakan pad siku dan lutut serta berkasut dan memakai topi keledar semasa mengayuh basikal.

### Bahagian C

Banyak cara untuk kita menjaga keselamatan ketika berada di sekolah, kita perlu beratur sebelum memasuki kelas untuk menghindarkan diri daripada kemalangan. Semasa melakukan aktiviti di Bilik Sains, kita hendaklah meminta kebenaran guru supaya tidak berlaku sesuatu yang tidak diingini. Selain itu, semasa naik dan turun tangga, kita harus berhati-hati supaya tidak terjatuh. Semasa membeli makanan di kantin, kita perlu beratur untuk mengelakkan kemalangan.

### Bahagian D

#### Karangan tidak berformat (Karangan fakta)

Hampir setiap hari berita-berita mengenai kemalangan ngeri yang menyebabkan kecederaan parah, kehilangan nyawa dan kerugian harta benda disiarkan melalui media massa. Keadaan ini menunjukkan bahawa kemalangan adalah satu masalah serius yang sukar diatasi.

Banyak faktor yang menyebabkan berlakunya kemalangan jalan raya. Antaranya ialah keadaan kenderaan. Ramai pemilik kenderaan tidak menyelenggara kenderaan mereka dengan baik. Keadaan ini menyebabkan komponen-komponen kenderaan seperti brek dan tayar tidak dapat berfungsi dengan baik. Hal ini menyebabkan kenderaan tidak dapat dikawal dengan baik dan mudah terbabas ketika memandu.

Selain itu, kemalangan juga berpunca daripada keadaan jalan raya. Jalan raya yang berselekeh, berbukit, dan berlubang-lubang amat berbahaya kepada pemandu. Seseorang pemandu yang kurang pengalaman dan tidak biasa melalui laluan sebegini sukar untuk mengawal kenderaan mereka dan amat berisiko mengalami kemalangan.

Dalam hal ini, kecuaiannya manusia yang menjadi penyebab utama. Ramai pemandu dan penunggang kenderaan yang gemar memandu secara cuai dan melulu. Mereka tidak mematuhi undang-undang dan peraturan jalan raya yang telah ditetapkan. Sebagai contoh, ada pemandu yang gemar memotong kenderaan lain di selekoh yang mempunyai garisan berkembar. Perbuatan begini amat berbahaya kepada diri sendiri dan pemandu lain.

Seterusnya, kemalangan jalan raya juga berpunca daripada pemandu kenderaan itu sendiri. Mereka tidak mematuhi undang-undang dan peraturan jalan raya dengan memandu secara tidak berhemah seperti memandu melebihi had laju dan melanggar lampu isyarat. Keadaan sebegini boleh menyebabkan berlakunya kemalangan di jalan raya.

Kesimpulannya, banyak faktor yang menyebabkan berlakunya kemalangan di jalan raya. Semua pihak perlu menggemblengkan tenaga dan usaha secara lebih efektif lagi untuk mengatasi masalah ini.

#### Karangan berformat (Karangan jenis dialog)

Danish : Syamin, kamu sedang buat apa tu?

Syamin : Saya sedang membaca akhbar tentang punca-punca kemalangan jalan raya.

Danish : Apakah punca-punca kemalangan jalan raya?

Syamin : Antaranya, keadaan kereta yang tidak diselenggara

dengan baik boleh menyebabkan berlakunya kerosakan pada bahagian kenderaan seperti brek dan tayar. Keadaan jalan raya yang berlubang dan rosak juga boleh menyebabkan pemandu sukar mengawal.

Danish : Adakah bentuk muka bumi juga menjadi salah satu faktor kemalangan jalan raya?

Syamin: Ya, Danish. Bentuk muka bumi yang tidak sekata dan banyak selekoh berbahaya juga menyebabkan pemandu hilang kawalan. Di samping itu, sikap pengguna jalan raya yang seperti memandu melebihi had laju turut menyumbang kepada berlakunya kemalangan jalan raya.

Danish : Kalau begitu, kita haruslah mengamalkan pemanduan berhemah bagi mengelakkan kemalangan.

Syamin: Betul tu, Danish.

## TEMA 4 KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN ESTETIKA

### Bahagian A

1 C    2 D    3 A    4 D    5 C  
6 C    7 B    8 A    9 B    10 A

### Bahagian B

- 1 (a) kasar  
(b) Kita perlu menghormati tetamu agar hubungan yang terjalin semakin erat.  
(c) berbual-bual / tetamu  
(d) Ketika berbual-bual dengan tetamu, pertuturan kita hendaklah dijaga. ✓
- 2 Sebagai anak, saya akan menjemput ayah saudara saya masuk ke dalam rumah. Saya akan menghidangkan minuman dan berbual-bual dengannya sementara menunggu ibu dan ayah saya balik.

### Bahagian C

Karnival Kraf Tangan Tradisional banyak memberi kebaikan kepada kita. Antaranya, kita dapat mengenali seni warisan tradisional dengan lebih dekat. Selain itu, kita dapat mempelajari cara membuat kraf tangan tradisional melalui video yang ditayangkan selain menyaksikan demonstrasi oleh penggiat kraf tangan tempatan. Akhir sekali, warisan seni dapat dikekalkan dan terpelihara sepanjang zaman melalui karnival seperti ini.

### Bahagian D

#### Karangan tidak berformat (Karangan jenis cerita)

Pada 16 September yang lalu, sekolah saya telah mengadakan sambutan Hari Malaysia.

Kira-kira pukul 9 pagi, saya dan kawan-kawan gembira kerana dapat menyaksikan persembahan tarian yang unik bagi masyarakat Melayu, Cina, India oleh penari yang berbilang-bilang bangsa. Tarian yang dipersembahkan itu

ialah tarian inang, tarian singa dan tarian bhārata. Suasana sungguh ceria dan indah sekali dengan pakaian para peserta yang bertemakan tradisional yang berwarna-warni.

Kumpulan murid tahun empat telah mengadakan persembahan drama yang bertemakan perpaduan kaum. Penutup persembahan pada hari itu ialah deklamasi sajak oleh Nurhuda. Dia mendeklamasikan sajak dengan penuh penghayatan.

Acara terakhir yang kami saksikan pada hari tersebut ialah tayangan video pada skrin besar. Melalui tayangan ini, kami semua berpeluang menyaksikan sejarah penubuhan negara kita Malaysia. Selain itu, video tersebut juga memaparkan keunikan negara kita yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama tetapi hidup bersatu padu antara satu dengan yang lain. Keadaan ini bertepatan dengan peribahasa Melayu iaitu "Bagai aur dengan tebing".

Kami sambung dengan sesi pembelajaran setelah semua acara selesai. Saya sangat gembira kerana berpeluang menyertai sambutan ulang tahun Hari Malaysia kerana mendapat pelbagai pengalaman dan pengetahuan mengenai negara kita Malaysia. Saya juga merasa bangga dan bertuah menjadi seorang daripada rakyat Malaysia.

#### Karangan berformat (Karangan jenis surat kiriman tidak rasmi)

37, Taman Mas Pertama,  
Jalan Depo,  
93050 Kuching.  
12 Mac 2025

Menemui, sahabatku, Putri Alya yang berada di Kangar, semoga saudari sihat selalu. Saya di sini sihat seperti biasa. Saudari,

Tujuan saya menulis surat ini adalah untuk menceritakan tentang sambutan Hari Malaysia yang diadakan di sekolah saya pada minggu lepas.

Saya dan kawan-kawan gembira kerana telah menyaksikan persembahan tarian yang unik bagi masyarakat Melayu, Cina, India oleh penari yang berbilang-bilang bangsa. Tarian yang dipersembahkan itu ialah tarian inang, tarian singa dan tarian bhārata.

Kumpulan murid tahun empat telah mengadakan persembahan drama yang bertemakan perpaduan kaum. Penutup persembahan pada hari itu ialah deklamasi sajak oleh Nurhuda. Dia mendeklamasikan sajak dengan penuh penghayatan.

Saya berharap agar persembahan seperti ini dapat mengekalkan perpaduan rakyat Malaysia. Itu sahaja yang ingin saya ceritakan untuk saudari. Sekian, salam sayang untuk saudari.

*Sumaiyah*

## TEMA 5 JATI DIRI, PATRIOTISME DAN KEWARGANEGARAAN

### Bahagian A

- 1 D    2 A    3 B    4 D    5 B  
6 A    7 A    8 A    9 D    10 D

### Bahagian B

- 1 (a) perak  
(b) Farah Ann memulakan karier dalam sukan gimnastik sejak berusia tiga tahun.  
(c) gerak-geri / gopoh-gapah  
(d) Farah Ann menghadihkan pencapaian dan warna-warni kejayaan kepada negara yang tercinta. ✓
- 2 Sebagai warganegara Malaysia, apabila saya ternampak jiran saya memasang Jalur Gemilang yang sudah lusuh dan koyak, saya akan menegur jiran saya itu secara berhemah dan meminta jiran saya mengibarkan Jalur Gemilang yang baharu.

### Bahagian C

Terdapat pelbagai cara untuk menjadi murid yang cemerlang. Antaranya, kita haruslah mengulang kaji pelajaran di rumah bagi mendapat keputusan cemerlang. Seterusnya, kita mestilah menumpukan sepenuh perhatian semasa guru mengajar. Kita juga boleh belajar secara berkumpulan di perpustakaan sekolah. Kesimpulannya, kita haruslah belajar dengan bersungguh-sungguh agar dapat menjadi murid yang cemerlang dalam pelajaran.

### Bahagian D

#### Karangan tidak berformat (Karangan jenis cerita)

Pada hari Sabtu yang lepas, sekolah saya telah mengadakan sambutan Hari Sukan Negara. Sukan tersebut diadakan di padang sekolah saya yang luas itu.

Sebelum sukan diadakan, semua guru dan murid sibuk membuat persiapan. Padang dihiasi dengan panji-panji dan belon-belon yang berwarna-warni. Beberapa buah khemah didirikan di tepi padang. Para peserta sukan berlatih dengan bersungguh-sungguh pada setiap hari.

Pada hari kejadian, semua ibu bapa, murid-murid dan guru hadir awal ke sekolah. Murid-murid dan guru-guru berkumpul di dataran. Pengetua sekolah merasmikan sukan tersebut. Pelbagai persembahan diadakan seperti pancaragam, tarian tradisional dan sebagainya. Persembahan murid sungguh menarik. Para penonton memberikan tepukan yang gemuruh. Setelah tamat perasmian, perbarisan peserta sukan dimulakan.

Tujuan diadakan sukan adalah untuk mencungkil bakat dan menjihatkan badan. Pelbagai acara sukan diadakan seperti pertandingan bola jaring, pertandingan futsal, lompat jauh, lompat tinggi, lumba lari, tarik tali dan sebagainya. Acara lari berganti-ganti menjadi acara kemuncak hari sukan. Para peserta berlari dengan pantas menuju ke garisan penamat.

Para penonton bersorak untuk memberi sokongan kepada peserta pasukan masing-masing. Suasana di padang riuh-rendah dan meriah.

Acara sukan berakhir pada pukul 12.00 tengah hari. Rumah kuning muncul sebagai juara. Ramesh telah terpilih sebagai olahragawan manakal Azila dipilih sebagai olahragawati. Guru Besar menyampaikan piala dan hadiah kepada para pemenang. Beliau mengucapkan tahniah kepada murid yang berjaya dan menasihati murid yang tidak berjaya supaya tidak berputus asa.

Selepas majlis penyampaian hadiah tamat, murid-murid pulang ke rumah dengan gembiranya walaupun kelihatan letih.

#### Karangan berformat (Karangan jenis laporan)

##### LAPORAN HARI SUKAN NEGARA

Pada hari Sabtu, 8 Mac 2025, Sekolah Kebangsaan Gita mengadakan sambutan Hari Sukan Negara dengan pelbagai aktiviti.

Semua murid dan guru berpakaian sukan. Kami berkumpul di dewan. Pada pukul 7.30 pagi, acara senamrobik bermula. Dalam ucapan perasmian, guru besar meminta semua murid menjadikan sukan sebagai gaya hidup sihat yang berterusan.

Perlawanan futsal, sepak takraw dan bola jaring disertai oleh guru dan murid tahap 2. Murid tahap 1 pula menyertai acara sukaneka. Semua acara selesai pada pukul 11.30 pagi. Guru besar menyampaikan hadiah kepada pemenang. Walaupun penat tetapi kami gembira.

Laporan disediakan oleh,

15 Mac 2025

*NurAimy*

(NUR AIMY BINTI AHMAD)

Setiausaha,

Sambutan Hari Sukan Negara,

Sekolah Kebangsaan Gita,

Kuching.

## TEMA 6 SAINS, TEKNOLOGI DAN INONASI

### Bahagian A

- 1 C    2 B    3 C    4 A    5 D  
6 C    7 D    8 D    9 A    10 D

### Bahagian B

- 1 (a) masa  
(b) Kelab Sains dan Teknologi akan menganjurkan Pertandingan Reka Cipta pada minggu hadapan.  
(c) mengawal / menggunakan  
(d) Alat kawalan jauh digunakan oleh pengendali mesin untuk mengawal mesin rumput itu. ✓
- 2 Pada pendapat saya, banyak kelebihan telefon pintar kepada murid sekolah. Antaranya, kita dapat menghubungi seseorang pada bila-bila masa. Kita juga dapat melayari Internet di mana-mana sahaja.

## Bahagian C

Banyak kepentingan sains dan teknologi serta inovasi dalam kehidupan. Kita dapat menggunakan tenaga solar untuk menjimatkan elektrik. Suri rumah juga dapat menggunakan robot vakum untuk menyedut habuk dengan mudahnya. Selain itu, manusia dapat menggunakan telefon pintar untuk membuat pembayaran secara dalam talian. Kita juga dapat menanam sayur menggunakan teknologi akuaponik di kawasan yang terhad.

## Bahagian D

### Karangan tidak berformat (Karangan jenis keperihalhan)

Pada petang Sabtu yang lepas, saya sekeluarga pergi ke Kompleks Beli-belah. Sampai di kompleks beli-belah itu, ayah masuk ke ruang letak kereta di tingkat atas.

Ayah mengambil tiket di mesin tiket sebelum palang terbuka. Ruang kereta yang kosong berlampu berwarna hijau. Ruang lampu berwarna merah sudah mempunyai kenderaan. Ayah meletakkan kereta di ruang letak kereta berwarna hijau.

Saya ternampak seorang pengawal keselamatan membuat rondaan dengan menggunakan skuter elektrik. Kemudian, kami menggunakan lif untuk turun ke tingkat satu.

### Karangan berformat (Karangan jenis catatan)

Sabtu / 11 Mac 2025

2.00 petang

Kami sekeluarga sampai di Kompleks Beli-belah. Mesin pengimbas kereta mengimbas nombor plat kereta ayah sebelum palang terbuka. Ayah masuk ke ruang letak kereta di tingkat atas.

2.15 petang

Kami memerhati ruang kereta yang berlampu hijau. Namun, hampir semua ruang letak kereta penuh dan berlampu merah.

2.30 petang

Akhirnya, kami menemui ruang letak kereta yang berwarna hijau dan ayah meletakkan kereta di situ. Ketika keluar dari kereta, saya ternampak seorang pengawal keselamatan membuat rondaan dengan menggunakan skuter elektrik.

2.40 petang

Kami berjalan menuju ke lif untuk turun ke tingkat satu.

## TEMA 7

## PERTANIAN DAN PENTERNAKAN

## Bahagian A

- 1 B    2 D    3 C    4 D    5 A  
6 B    7 A    8 A    9 C    10 A

## Bahagian B

- 1 (a) keli  
(b) Pendorong kepada Danish selain keluarganya ialah Jabatan Perikanan.

(c) ditenak / dijual

(d) Ikan air tawar sudah ditenak oleh Danish sejak sepuluh tahun yang lalu. ✓

- 2 Pada pendapat saya, kebaikan yang kita peroleh melalui aktiviti berkebun ialah kita dapat menjimatkan perbelanjaan keluarga. Melalui berkebun juga, kita dapat menjimatkan badan dan mengeratkan hubungan kekeluargaan.

## Bahagian C

Buah nanas banyak khasiatnya. Antaranya, boleh dimakan segar. Buah nanas mengandungi vitamin B dan C. Selain itu, nanas boleh dijadikan jem untuk dimakan bersama roti atau dibuat biskut. Nanas juga boleh dijadikan jus bagi mengurangkan lemak dan mengelakkan sembelit. Nanas juga boleh dijadikan masakan seperti pajeri nanas, rojak dan acar.

## Bahagian D

### Karangan tidak berformat (Karangan jenis pengalaman)

Pada cuti sekolah yang lalu, saya mengikut datuk ke ladang ternakan kambingnya.

Datuk menyuruh saya memberikan kambing-kambingnya makan rumput. Saya juga mengisi air ke dalam bekas minuman. Saya mempelajari cara melepaskan kambing ke kawasan lapang.

Sebelum makan tengah hari, kami membersihkan kandang kambing. Najis-najis kambing dimasukkan ke dalam bekas khas untuk dijadikan baja organik.

Selepas berehat, kami mengumpul kayu api. Sekitar pukul lima petang, kami menghalau kambing-kambing masuk ke kandang. Datuk memasang ungun api bagi menghalau serangga.

Kami balik pada pukul enam petang. Walaupun penat, saya gembira kerana dapat membantu datuk.

### Karangan berformat (Karangan jenis catatan)

Ahad / 9 Mac 2025

7.00 pagi

Saya mengikut datuk ke ladang ternakan kambingnya.

7.30 pagi

Datuk menyuruh saya memberikan kambing-kambingnya makan rumput. Saya juga mengisi air ke dalam bekas minuman. Saya mempelajari cara melepaskan kambing ke kawasan lapang.

11.00 pagi

Kami membersihkan kandang kambing. Najis-najis kambing dimasukkan ke dalam bekas khas untuk dijadikan baja organik.

12.00 tengah hari

Makan tengah hari.

2.00 petang

Kami mengumpul kayu api dan membersihkan persekitaran kandang kambing.

4.30 petang

Kami menghalau kambing-kambing masuk ke kandang. Datuk memasang unggun api bagi menghalau serangga.

5.30 petang

Kami balik ke rumah. Walaupun penat, saya gembira kerana dapat membantu datuk.

## TEMA 8 EKONOMI, KEUSAHAWANAN, DAN PENGURUSAN KEWANGAN

### Bahagian A

1 C    2 A    3 A    4 B    5 D  
6 A    7 A    8 B    9 D    10 C

### Bahagian B

- 1 (a) pasar raya  
(b) Puan Mazuin membuat anggaran harga setiap barang yang hendak dibeli supaya dapat berjimat cermat.  
(c) bersyukur / mendengar  
(d) Mieya sentiasa dinasihati oleh Puan Mazuin agar berhema ketika berbelanja. ✓
- 2 Saya akan menyimpan sebahagian wang kemenangan saya itu. Selain itu, saya akan membeli kasut sukan idaman saya sejak sekian lama. Selebihnya, saya akan membawa ibu bapa saya makan di restoran makanan segera.

### Bahagian C

Antara kebaikan membawa bekal ke sekolah ialah murid-murid dapat menjaga kesihatan. Makanan yang disediakan oleh ibu bapa merupakan makanan yang berkhasiat dan bersih. Selain itu, murid-murid juga dapat berjimat cermat dengan menyimpan wang saku yang diberi oleh ibu bapa. Akhir sekali, amalan membawa bekal dapat menjimatkan masa kerana murid-murid tidak perlu berbaris di kantin untuk membeli makanan.

### Bahagian D

#### Karangan tidak berformat (Karangan jenis cerita)

Sumaiyah berniaga kuih-muih secara kecil-kecilan di sebuah gerai di tepi jalan yang tidak jauh dari rumahnya. Gerainya mula beroperasi pada pukul 6 pagi setiap hari.

Untuk meningkatkan jualan kuih-muihnya, Sumaiyah membuat iklan dan promosi melalui media sosial. Usaha Sumaiyah mendatangkan hasil apabila semakin ramai yang singgah di gerainya untuk membeli kuih-muih.

Selain itu, Sumaiyah juga mengikuti pelbagai kursus keusahawanan untuk mendalami ilmu perniagaan. Berkat kesungguhannya, kini Sumaiyah berjaya memiliki sebuah kedai yang menjual kuih-muih.

Sumaiyah berasa gembira kerana kedainya mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pengunjung.

#### Karangan berformat (karangan jenis wawancara)

Wartawan : Selamat pagi, Cik Sumaiyah. Bolehkah saya menemu ramah saudara?

Sumaiyah : Selamat pagi, Encik. Boleh saja.

Wartawan : Sejak bilakah saudara terlibat dalam peniagaan ini?

Sumaiyah : Saya mula berniaga kuih-muih secara kecil-kecilan di sebuah gerai di tepi jalan tidak jauh dari rumah saya.

Wartawan : Bagaimanakah saudara meningkatkan jualan kuih-muih saudara?

Sumaiyah : Saya membuat iklan dan promosi melalui media sosial. Saya juga mengikuti pelbagai kursus keusahawanan untuk mendalami ilmu perniagaan. Berkat kesungguhannya, kini saya berjaya memiliki sebuah kedai yang menjual kuih-muih.

Wartawan : Tahniah, saya ucapkan. Saya doakan semoga kedai saudara terus mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pengunjung. Terima kasih kerana sudi ditemu bual.

Sumaiyah : Sama-sama.

## TEMA 9 INTEGRITI

### Bahagian A

1 C    2 D    3 A    4 B    5 C  
6 A    7 C    8 D    9 A    10 B

### Bahagian B

- 1 (a) risiko  
(b) Kejadian tanah runtuh itu berlaku di kawasan Father's Organic Farm, Batang Kali.  
(c) penugasan / kebajikan / kepakaran  
(d) Komitmen pasukan petugas operasi tragedi itu sangat dihargai oleh rakyat Malaysia. ✓
- 2 Saya akan memujuk budak itu supaya bertenang dan membawanya ke kaunter perkhidmatan dan menceritakan hal itu kepada pegawai di situ. Saya akan menemani budak itu sehingga ibu bapanya berjaya ditemukan.

### Bahagian C

Jiran merupakan orang yang paling hampir dengan kita. Amalan kejiranan perlu disuburkan demi menjamin kesejahteraan dan keharmonian masyarakat. Salah satu amalan kejiranan yang telah sebatikan dalam kehidupan masyarakat Malaysia ialah amalan menziarahi jiran tetangga. Amalan tersebut amat mudah dipraktikkan kerana dapat dilakukan tanpa mengira masa, agama dan kaum. Selain itu, masyarakat di negara ini juga sudah terkenal dengan sikap peramah. Oleh itu, amalan bertegur sapa sudah menjadi lumrah bagi kebanyakan kita. Setiap kali bertemu orang yang dikenali, pasti tangan akan dihulur untuk bersalaman sambil bertanya khabar. Konklusinya, amalan kejiranan yang menjadi sebahagian daripada rutin harian rakyat Malaysia telah menjadikan hubungan antara mereka bagai isi dengan kuku.

## Bahagian D

### Karangan tidak berformat (Karangan jenis cerita)

Pada suatu hari, Maria dan ibunya menziarahi dan membawa makanan untuk jiran mereka, Puan Azwa yang sakit di rumahnya.

Ibu Maria menyuap Puan Azwa makan. Puan Azwa makan dengan berselera sekali. Maria pula membantu mengurut-urut kaki Puan Azwa dengan lembut sambil berbual-bual mesra.

Selepas makan, ibu Maria mengambil ubat dan segelas air. Maria memberi ubat kepada Puan Azwa. Selepas makan ubat, Puan Azwa mengucapkan terima kasih kepada Maria dan ibunya.

Sebelum pulang, Maria dan ibunya bersalam dengan Puan Azwa. Puan Azwa berasa gembira kerana mempunyai jiran yang baik hati.

### Karangan berformat (Karangan jenis dialog)

Ibu Maria : Selamat petang, Puan Azwa. Bagaimanakah keadaan puan sekarang?

Puan Azwa: Selamat petang, Puan Azah. Saya rasa beransur sihat.

Maria : Ini buah tangan untuk makcik.

Ibu Maria : Mari saya suapkan bubur.

Puan Azwa: Terima kasih Maria, Puan Azah. Sedapnya bubur ni.

Maria : Izinkan saya urut kaki makcik ya.

Puan Azwa: Baiklah, Maria.

Ibu Maria : Maria, sebelum kita balik, berikan ubat dan air ini pada makcik, ya.

Puan Azwa: Terima kasih Puan Azah. Saya bersyukur kerana mempunyai jiran yang baik hati seperti kalian.

Ibu Maria : Sama-sama. Saya doakan puan cepat sembuh. Kami balik dulu.

## UJIAN PERTENGAHAN SESI AKADEMIK (UPSA)

### Bahagian A

1 B    2 D    3 B    4 C    5 D  
6 B    7 A    8 C    9 C    10 A

### Bahagian B

- (a) anak perempuan Mak Ngah  
(b) Acara bermukun diadakan untuk menceriakan majlis tersebut.  
(c) gembira / meriah  
(d) Aimy dan keluarga telah dibawa oleh ayah pergi ke rumah Mak Ngah pada hari Ahad yang lepas. ✓
- Pada pendapat saya, karnival permainan tradisonal itu akan diadakan semasa cuti sekolah bagi memberi peluang murid-murid sekolah terlibat dalam karnival tersebut. Mereka juga dapat mengisi masa cuti dengan aktiviti yang berfaedah.

## Bahagian C

Antara cara menjaga kebersihan semasa di dapur ialah kita mestilah mencuci tangan sebelum dan selepas memasak. Selain itu, sayur-sayuran bahan mentah yang akan dimasak perlu dicuci hingga bersih untuk mengelakkan keracunan makanan. Seterusnya, makanan yang sudah dimasak perlu ditutup bagi mengelak daripada dihinggapai lalat. Peralatan memasak pula perlu dibersihkan selepas memasak. Akhir sekali, selepas makan, pinggan mangkuk perlu dicuci segera untuk mengelakkan pembiakan bakteria yang boleh menyebabkan penyakit.

## Bahagian D

### Karangan tidak berformat (Karangan jenis cereka)

Syahira sedang membuka tingkap rumahnya, tiba-tiba dia terlihat seorang pencuri sedang cuba untuk masuk ke rumah jirannya.

Tanpa melengahkan masa, Syahira terus menelefon pihak polis untuk memaklumkan hal tersebut. Tidak lama kemudian, pihak polis tiba dengan dua buah kereta peronda di hadapan rumah jiran Syahira.

Pencuri itu cuba melarikan diri, namun pihak polis bertindak lebih pantas. Pihak polis berjaya menangkap pencuri yang cuba mencerooboh rumah jiran Syahira.

Jiran Syahira iaitu Encik Kamal dan pihak polis mengucapkan terima kasih atas kerjasama yang diberikan oleh Syahira.

### Karangan berformat (Karangan jenis berita)

SIBU, Ahad - Seorang pencuri yang cuba mencerooboh sebuah rumah telah berjaya ditangkap oleh pihak polis malam tadi. Kejadian itu telah dikesan oleh jiran di sebelah rumah, Zarith, 10 tahun. Menurut Zarith, ketika membuka tingkap rumahnya, tiba-tiba dia terlihat seorang pencuri sedang mengumpul tingkap rumah jirannya.

Zarith terus menelefon pihak polis. Pihak polis tiba dengan dua buah kereta peronda. Pencuri itu cuba melarikan diri, namun pihak polis bertindak lebih pantas.

Jiran Zarith iaitu Encik Kamal dan pihak polis mengucapkan terima kasih atas kerjasama yang diberikan oleh Zarith. Pihak polis memuji Zarith kerana bertanggungjawab dalam menjaga keamanan komuniti setempat.

## UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK (UASA)

### Bahagian A

1	D	2	B	3	B	4	A	5	A
6	C	7	D	8	C	9	A	10	B

### Bahagian B

- 1 (a) seragam  
(b) Tugas utama pasukan keselamatan ialah mempertahankan negara daripada ancaman musuh dan jenayah.  
(c) aman / damai  
(d) Keselamatan udara, lautan dan daratan pula dijaga oleh pasukan tentera. ✓
- 2 Pada pendapat saya, cara untuk kita menyambut kemerdekaan negara adalah dengan mengibarkan Jalur Gemilang, menyertai perarakan kemerdekaan sekolah dan menghangai pejuang terdahulu.

### Bahagian C

Tablet dicipta untuk memberi manfaat kepada pengguna. Antaranya adalah untuk membuat dan menerima panggilan, melayari Internet serta menghantar dan menerima e-mel. Selain itu, produk ini juga memuatkan aplikasi seperti muzik dan permainan. Namun, tablet juga membawa keburukan kepada kita. Tablet boleh menyebabkan pelajaran terabai. Murid terdedah kepada perkara negatif selain merosakkan bahasa dengan penggunaan bahasa ringkas.

### Bahagian D

#### Karangan tidak berformat (Karangan jenis keperihal)

Ketika pulang dari sekolah, Adib terjumpa sebuah dompet yang tercicir di tepi jalan. Adib tidak tahu pemilik dompet itu.

Adib mengambil dompet itu tetapi tidak mengusik isi dompet itu. Sampai sahaja di rumah, Adib menyerahkan dompet itu kepada ayahnya. Ayah Adib memeriksa kad pengenalan di dalam dompet itu. Pada kad pengenalan itu terdapat nama dan alamat pemiliknya.

Adib dan ayahnya menyerahkan dompet itu kepada pemiliknya. Pemilik dompet itu mengucapkan terima kasih kepada mereka berdua.

#### Karangan berformat (Karangan jenis surat tidak rasmi)

42, Taman Hijrah,  
Jalan Matang,  
93050 Kuching.

30 Mac 2025

Menemui, kekandaku, Zeti yang berada di Kuala Lumpur, semoga kekanda sihat selalu. Adinda dan keluarga di sini sihat seperti biasa.

Kekanda,

Tujuan adinda menulis surat ini adalah untuk menceritakan kejadian yang berlaku pada hari Selasa minggu lepas. Ketika pulang dari sekolah, adinda terjumpa sebuah dompet yang tercicir di tepi jalan. Adinda mengambil dompet itu tetapi tidak mengusik isi dompet itu. Sampai sahaja di rumah, adinda menyerahkan dompet itu kepada ayahnda. Ayahnda memeriksa kad pengenalan di dalam dompet itu. Pada kad pengenalan itu terdapat nama dan alamat pemiliknya. Ayahnda membawa adinda ke rumah pemilik dompet itu untuk menyerahkan dompet itu kepada pemiliknya.

Adinda berasa gembira kerana telah memulangkan dompet itu. Itu sahaja yang ingin adinda ceritakan untuk kekanda. Sekian, salam sayang untuk kekanda di sana.

*Adib Maizan*